

Headline	TNB pastikan bekalan elektrik terjamin		
MediaTitle	Utusan Malaysia (Utara)		
Date	17 May 2019	Language	Malay
Circulation	4,244	Readership	12,732
Section	News	Page No	46
ArticleSize	188 cm²	Journalist	N/A
PR Value	RM 5,317		



TNB pastikan bekalan elektrik terjamin

IPOH 16 Mei – Tenaga Nasional Berhad (TNB) Perak akan memastikan bekalan elektrik di negeri ini terjamin meskipun akan menghadapi peningkatan kadar penggunaan menjelang dan ketika Hari Raya Aidilfitri.

Pengurus Besar-nya, Datuk Raja Abd. Jalil Raja Zaid berkata, pasukan tunggu sedia di setiap 16 cawangan TNB di negeri ini mérangkumi jurutera, juruteknik dan unit pembaiakan sistem voltan tinggi serta voltan rendah akan bersiap-siaga bagi menghadapi sebarang kemungkinan.

Katanya, bagi memastikan orang ramai dapat menikmati bekalan elektrik berterusan, pihaknya juga telah melakukan persediaan lebih awal termasuk daripada aspek teknikal.

“Seperti mana lazimnya, setiap tahun kita akan memastikan bekalan elektrik terjamin sama ada sebelum, ketika mahupun selepas hari raya di mana kita mempunyai pasukan tunggu sedia yang akan berada di setiap kawasan di negeri ini.

“Kita juga sebenarnya telah mengenal pasti bahawa penggunaan elektrik ini akan naik

mendadak di kampung-kampung atau taman-taman pada sebarang jenis musim perayaan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas majlis berbuka puasa bersama petugas media yang turut dihadiri Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Awam dan Infrastruktur, Pertanian dan Perladangan negeri, Abdul Yunus Jamhari, di sini semalam.

Pada majlis tersebut, Raja Abd. Jalil turut memberikan sumbangan sebanyak RM5,000 kepada Persatuan Pengamal Media Perak (PPMP) bagi merancang aktiviti untuk media.

Mengulas lanjut beliau berkata, setakat ini, tiada mana-mana kawasan di Perak mengalami gangguan bekalan elektrik yang kritikal pada musim perayaan.

“Gangguan ini biasanya di kawasan terpencil tetapi sudah lama perkara ini (gangguan elektrik) tidak berlaku.

“Langkah sewajarnya telah diambil bagi memastikan walaupun ramai yang akan pulang ke kampung, mereka tetap dapat menikmati bekalan elektrik yang berterusan,” katanya.



**RAJA ABD. JALIL
RAJA ZAID**